

LIPATAN SEJARAH

Kuala Lumpur bandar raya paling moden menjelang tahun 2000

PADA 1 Februari 1982, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan sedang merancang beberapa projek jangka panjang yang menelan belanja hampir RM1 bilion bagi menjadikan Kuala Lumpur pusat bandar raya paling moden di rantau ini menjelang

tahun 2000.

Rancangan tersebut meliputi berbagai aspek keperluan termasuk memodenkan pengangkutan awam, pasar-pasar besar, tempat-tempat penjaja, penempatan semula setinggan dan laluan pejalan kaki.

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

● 1 Februari 1969

Tentera Udara Diraja Malaysia akan mendapat sembilan buah pesawat jenis Caribou buatan Kanada hujung tahun ini, kata Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan hari ini.

● 1 Februari 1971

Bangunan Wisma Pahlawan yang menempatkan Ibu Pejabat Persatuan Bekas Perajurit Malaysia setinggi 14 tingkat akan didirikan di Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur dengan kos berjumlah RM2.6 juta.

● 1 Februari 1980

Lebih RM8 juta akan dibelanjakan untuk membina berbagai projek pembangunan ke arah menjadikan bandar Pusat Jengka sebagai sebuah bandar yang lengkap serta teratur.

